

## **Datuk Dr. Abdul Halim Ismail: Bapa Perbankan Islam Malaysia**

KAMI mengucapkan sekalung tahniah kepada Datuk Dr. Abdul Halim Ismail yang menjadi rakyat Malaysia pertama dinobatkan sebagai penerima Anugerah Diraja Kewangan Islam bersempena Forum Kewangan Islam Antarabangsa (GIFF) 2014.

Pemilihan beliau sebagai penerima anugerah berprestij ini adalah tepat berdasarkan pencapaian dan jasa yang disumbangkan terhadap kemajuan industri kewangan Islam negara dan antarabangsa.

Berdasarkan sumbangan Abdul Halim dalam bidang kewangan Islam, beliau layak untuk dinobatkan sebagai Bapa Perbankan Islam di Malaysia kerana telah memainkan peranan penting dalam merangka penubuhan Bank Islam pertama di Malaysia pada tahun 1983.

Beliau juga telah dilantik sebagai Pengarah Urusan pertama Bank Islam Malaysia Bhd. (Bank Islam). Di bawah kepimpinannya, bank tersebut membangun pesat dan unggul di peringkat antarabangsa.

### **Oxford**

Beliau merupakan anak Melayu pertama yang berjaya menjadi graduan Universiti Oxford, United Kingdom (UK) di peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang Ekonomi pada tahun 1969.

Pengalaman berkhidmat sebagai Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1975, Abdul Halim dilantik sebagai Ketua Unit Perancangan bagi Perunding Bersatu Bhd. sebelum berkhidmat di Bank Bumiputra Malaysia Bhd. sebagai Ketua Ahli Ekonomi dan Ketua Jabatan Perancangan dan Pembangunan.

Pada tahun 2001, beliau dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Kewangan Islam oleh Persatuan Bank-Bank Islam Malaysia (AIBIM) atas pencapaian yang berterusan dalam bidang kewangan Islam. Abdul Halim juga merupakan Tokoh Maal Hijrah peringkat kebangsaan pada tahun 2004.

Di samping mempunyai ilmu yang luas dalam bidang pengurusan ekonomi, beliau juga berkeupayaan dalam ilmu syariah yang mana banyak institusi kewangan Islam melantik beliau sebagai penasihat syariah termasuk pihak pengawal selia seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Selain menjadi Pengarah Urusan pertama Bank Islam, Abdul Halim juga pernah memegang jawatan sebagai Penggerusi Lembaga Syarikat Takaful Malaysia Bhd. iaitu syarikat takaful pertama di negara ini dan turut membantu menuju BIMB Securities Bhd. (BIMB Securities), syarikat broker saham Islam pertama di Malaysia.

Di bawah bimbingan beliau, industri takaful dan institusi kewangan Islam berkembang pesat di negara ini yang kemudian menjadikan kewangan Islam sebagai alternatif yang semakin menarik dan pelengkap kepada kewangan konvensional.

Sepanjang saya mengenali beliau, Abdul Halim adalah seorang yang budiman dan mudah didekati biarpun mempunyai pangkat dan status yang tinggi dalam industri kewangan Islam. Seperkara lagi yang saya kagumi mengenai beliau adalah pemikirannya yang sentiasa segar dan kontemporari meskipun usia yang semakin lanjut.

## **Pelengkap**

Idea-idea beliau sentiasa segar dan antara yang terbaru yang dilontarkan semasa syarahan perdana sempena penerimaan anugerah berprestij itu adalah penubuhan Rumah Sedekah yang beroperasi secara komersial sebagai pelengkap kepada kewujudan institusi kewangan Islam yang sedia ada di Malaysia.

Beliau adalah antara model yang terbaik yang mengadunkan kepakaran dalam bidang ekonomi, pengalaman sebagai pemimpin tertinggi institusi kewangan Islam terkemuka dan kefahaman yang baik berkaitan prinsip-prinsip syariah dalam kewangan Islam.

Antara hasil kajian dan tulisan Abdul Halim yang telah diterbitkan adalah BIMB: Penubuhan dan Operasi yang diterbitkan BIMB, The Role of Islamic Instruments in Deepening Equity Markets pada tahun 1999 dan The Capital Market Masterplan: A Roadmap for Sustainable Growth & Development (2002).

Moga lebih ramai tokoh seperti beliau muncul demi membangunkan sistem ekonomi dan kewangan Islam yang berteraskan keadilan, kebijakan dan pertumbuhan selaras dengan tuntutan Syariat.

Artikel

Penuh: [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0918&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va\\_01.htm#ixzz3OZXNCDVD](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0918&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_01.htm#ixzz3OZXNCDVD)

Hakcipta terpelihara